

Tarikh: 20 Mac 2025

ICI Ref: MSCC-007 – Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd –ASA-01

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) MSPO ke atas Palm Kernel Crushing Plant - Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor, Malaysia

Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Palm Kernel Crushing Plant - Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor, Malaysia bagi memenuhi keperluan Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO MS 2530-4.2:2022 General Principles for palm oil processing facilities.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan MSPO (ASA-01) bagi Palm Kernel Crushing Plant - Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd pada 22 April 2025

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Palm Kernel Crushing Plant - Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd. Unit bagi pensijilan ini terletak di Pasir Gudang, Johor.

Secara ringkasnya, Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd telah diperbadankan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad pada tahun 1979. Aktiviti perniagaan utamanya tertumpu semata-mata untuk menghancurkan isirong sawit. Peranan Jin Lee dalam rantaian bekalan adalah untuk membeli isirong sawit daripada kilang minyak sawit luar dan membekalkan minyak isirong sawit mentah dan pengusir isirong sawit sebagai produk.

Maklumat data pengeluaran yang akan dinilai di kilang dan ladang adalah seperti berikut:

Kilang Kelapa Sawit

Nama Unit Pemprosesan	Lokasi	Rujukan GPS		Kapasiti (PK processing /day)
		Latitud	Longitud	
Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd (Palm Kernel Crushing Plant)	PLO 239 Jalan Timah Dua, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor Bahru 81700 Johor Malaysia	1.4477° N	103.9110° E	900 MT

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Mohd Nur Amin Mohd Halim (Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)

- **Penilai**
 - Cik Khoo Yah Hui (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)



- En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

Mr. Lee Chee Aun
Trading Manager
Jin Lee (Oil Mills) Sdn Bhd
PLO 239, Jalan Timah Dua Kawasan
Perindustrian Pasir Gudang, 81700 Pasir
Gudang, Johor, Malaysia
Tel: +60 12 240-0069
Fax: -
Email: leeca.jinlee@gmail.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd